
JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A dan Bahagian B***
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan .*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1 dan Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan pada kertas jawapan*
5. *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- 1 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai dosa besar.
- A Melihat aurat wanita
 - B Boleh dikenakan hukuman hudud atau qisas
 - C Boleh terhapus melalui amalan-amalan sunat
 - D Kesalahan yang tidak diberi hukuman tertentu di dunia atau amaran azab di akhirat

- Umat Islam akan ditindas
- Merendahkan martabat agama dan umat Islam
- Memberi peluang kepada musuh menghapuskan agama dan umat Islam.

- 2 Pernyataan di atas merujuk kepada akibat _____
- A lari dari medan perang
 - B menagih dadah
 - C minum arak
 - D zina
- 3 Hukum pezina yang telah berkahwin (muhsan) ialah
- A 40 kali sebatan
 - B 80 kali sebatan
 - C 100 kali sebatan
 - D Rejam sampai mati

- Apabila bercakap ia berdusta
- Apabila diberi amanah ia khianati

- 4 Pernyataan di atas merujuk kepada contoh
- A nifak
 - B sihir
 - C riddah
 - D khurafat
- 5 Di antara syarat sah _____ ialah segala manfaat yang tercatat dalam kontrak boleh digunakan
- A sewa
 - B hutang
 - C syarikat
 - D insurans

Perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada _____
- A gadaian
 - B insurans
 - C hutang
 - D syarikat
- 7 Apabila seorang perempuan kematian bapa maka orang berhak menjadi walinya dalam perkahwinan ialah _____
- A bapa saudara
 - B adik-beradik lelaki
 - C datuk sebelah bapa
 - D datuk sebelah ibu
- 8 Berikut adalah hikmah poligami **kecuali**
- A menyambung keturunan
 - B memenuhi keseronokan dunia
 - C membela anak yatim dan wanita
 - D mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat

- Berniat ihram di miqat
- Meninggalkan perkara yang dilarang semasa ihram

- 9 Pernyataan di atas merujuk kepada
- A rukun haji
 - B sunat haji
 - C wajib umrah
 - D rukun umrah
- 10 Antara berikut yang manakah akibat zihar ?
- I Suami mendapat kemurkaan dari Allah
 - II Zihar menjatuhkan maruah suami
 - III Suami isteri haram melakukan persetubuhan
 - IV Isteri wajib membayar kifarati
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 11 Pilih kenyataan yang **benar** mengenai hukum jual beli yang dilarang tetapi sah
- A Menjual atau memperdagangkan benda yang disimpan bagi tujuan maksiat
 - B Menjual suatu barang dengan bersyarat
 - C Mengurangkan sukatan dan timbangan.
 - D Menjual daging dengan daging
- 12 Berikut adalah bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia.
- A Diberi kuasa dalam kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda RM 500
 - B Pertunangan, perkahwinan dan perceraian
 - C Tuntutan harta sepencarian
 - D Waqaf dan nazar
- Di buang negeri kerana dituduh terlibat dengan pemberontakan urabi
 - Menerbitkan majalah al-Urwatulwusqa
 - Mufti kerajaan mesir
- 13 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____
- A Syed Jamaluddin al-Afghani
 - B Syeikh Muhammad Abduh
 - C Ibnu Khaldun
 - D Hamka
- 14 Khalifah _____ mendapat gelaran Karramallahu Wajhah kerana tidak pernah menyembah berhala.
- A Sayidina Abu Bakar
 - B Sayidina Uthman
 - C Sayidina Omar
 - D Sayidina Ali
- 15 Imam al-Bukhari sangat terkenal dalam bidang _____
- A fekah
 - B tafsir
 - C hadis
 - D falsafah
- 16 Antara berikut manakah kenyataan yang **benar** mengenai Khulafa ar-Rasyidin
- A Sayidina Umar adalah khalifah yang ke tiga
 - B Sayidina Uthman telah di lantik melalui wasiat
 - C Sayidina Abu bakar adalah orang pertama memeluk agama Islam
 - D Empat orang sahabat yang memerintah Negara Islam selepas kewafatan Rasuluullah

- 17 Hasil karya Imam Syafie yang terkenal ialah _____
A Ihya Ulumuddin
B Al-Muqaddimah
C Al-Muawattak
D al-Umm
- 18 Perkara berikut adalah faktor kemerosotan kerajaan Bani Abbasiah **kecuali**
A Serangan luar
B Kegawatan ekonomi
C kemerosotan perdagangan
D Perselisihan aliran fahaman agama
- 19 Encik Firdaus bercadang untuk menziarahi Masjidil Aqsa bersama dengan sahabatnya. Hukum mereka bermusafir ke sana ialah _____
A wajib
B sunat
C harus
D makruh
- 20 Berikut adalah adab berzikir **kecuali**
A Menggunakan suara yang kuat
B Berzikir dalam keadaan bersih dan suci
C Perbanyakkan zikir dalam keadaan suasana genting
D Berzikir dengan lafaz tertentu mengikut keadaan dan tempat


Soalan 21 hingga Soalan 24

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

- 21 Menyembah patung berhala , bulan dan matahari adalah contoh _____
- 22 Hubungan jenis antara perempuan dengan perempuan ialah adalah maksud _____

“ Jika engkau keluar dari rumah ini maka engkau tertalak dengan talak satu “

- 23 Situasi di atas merujuk kepada talak _____



- 24 **P** dalam rajah di atas ialah _____

Soalan 25 dan soalan 26

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan

Bahai	Qadiani	Ajaran sesat	syiah
-------	---------	--------------	-------

- 25 Ajaran _____ berpendapat bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah
- 26 Maksud _____ ialah amalan yang di dakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah

Soalan 27 dan soalan 28 , berdasarkan jadual di bawah.

Waktu dilaksanakan	Amalan haji
tergelincir matahari 9 Zulhijah	Q
R	Melontar jamrah

- 27 **Q** dalam jadual di atas _____
- 28 **R** dalam jadual di atas ialah _____



- 29 **S** dalam rajah di atas ialah _____
- 30 Pusat perkembangan ilmu yang terpenting pada zaman Bani Umaiyyah ialah Istana Khalifah dan _____

- Menjelaskan sistem geologi bumi serta pengaruh bulan dan matahari terhadap pertukaran musim
- Mencipta alat pengukur sudut 'Astrolabe'

- 31 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh ilmuwan yang terkenal iaitu _____

- 32 Beriktikad bahawa Sayidina Ali dan Imam mereka yang lain sebagai Tuhan, adalah pendapat _____



33 T dalam rajah di atas ialah _____

Puan Fatimah memberi sedekah kepada satu keluarga yang miskin yang amat memerlukan bantuan

34 Hukum perbuatan Puan Fatimah tersebut ialah _____

- Tanda bersyukur kepada Allah atas kurniaan zuriat
- Menghebahkan kepada anggota masyarakat tentang anugerah yang dikurniakan oleh Allah

35 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____

36 Di antara contoh jihad melawan Syaitan ialah _____

Soalan 37 hingga soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah

saie	tertib	tawaf	talak	tahnik	akikah
-------------	---------------	--------------	--------------	---------------	---------------

37 Rukun haji wajib dikerjakan mengikut _____

38 Memasukkan buah tamar atau buah-buahan yang manis kebahagiaan atas mulut langit bayi adalah maksud _____


39 Di antara syarat sah _____ ialah suci daripada hadas (berwuduk)

40 Bilangan _____ ialah sebanyak tiga kali sahaja

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan.Jawab **Soalan 1, Soalan 2** dan *mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

- 1 (a) Memfitnah merupakan unsur negatif yang mesti dihindari.
- (i) Nyatakan maksud memfitnah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab berlakunya perbuatan memfitnah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara anda menghindarkan diri daripada perbuatan memfitnah. [4 markah]
- (b) Kemanisan iman merupakan elemen penting untuk melahirkan keluarga bahagia.
- (i) Nyatakan **dua** ciri untuk mencapai kemanisan iman. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan mencapai tahap kemanisan iman dalam kehidupan sebuah keluarga. [4 markah]
- 

**Kemanisan
iman**
- (iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya semua ahli keluarga mengabaikan penghayatan di atas. [4 markah]
- 2 (a) Gadaian ialah sesuatu barangan bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.
- (i) Nyatakan **dua** rukun gadaian selain penggadai dan pemegang gadaian. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perkara yang membatalkan gadaian. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara amalan gadaian Islam dengan gadaian bukan Islam. [4 markah]
- (b) Antara ciri calon suami dan isteri ialah beragama.
- (i) Apakah kelebihan mengutamakan ciri tersebut? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah bakal isteri. [2 markah]

(c) Fasakh ialah pembatalan ikatan perkahwinan disebabkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi semasa akad nikah.

(i) Nyatakan **dua** sebab berlakunya fasakh. [2 markah]

Fasakh disyariatkan agar dapat membela isteri daripada ditindas suami.

(ii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

3 (a) Pemerintahan zaman khulafa al-Rasyidin terdiri daripada empat orang khalifah antaranya Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.

(i) Nyatakan **dua** cara pelantikan beliau sebagai khalifah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** pengajaran yang boleh anda ambil daripada sejarah pemerintahan Khulafa al-Rasyidin dari aspek akidah dan syariat. [4 markah]

(b)

- Syed Jamaluddin al-Afghani
- Sheikh Tahir Jalaluddin

Pilih **satu** tokoh di atas dan jawab soalan berikut.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup tokoh. [2 markah]

(ii) Jelaskan cara beliau menyampaikan idea islahnya kepada umat Islam. [2 markah]

(c) Sesebuah negara akan aman sejahtera sekiranya rakyat hidup bertoleransi dan beradab.

(i) Nyatakan **dua** adab bernegara selain cinta pada negara. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** implikasi mengabaikan adab bernegara. [4 markah]

‘Cintailah Negara Kita’

(iii) Sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab, sejauhmanakah anda menghayati slogan di atas. Bincangkan. [4 markah]

4 Kemajuan kerajaan Abbasiyah dalam bidang pendidikan banyak bergantung kepada kemantapan ekonomi.

(a) (i) Nyatakan **dua** sektor utama ekonomi kerajaan Abbasiyah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** peranan yang diusahakan oleh para khalifah Abbasiyah untuk menggiatkan sektor tersebut. [4 markah]

(b)

- Imam Abu Hanifah rahimahullah
- Imam Malik rahimahullah

Pilih **satu** tokoh di atas dan jawab soalan berikut.

(i) Nyatakan **dua** sumbangan tokoh dalam perkembangan ilmu. [2 markah]

(ii) Jelaskan ujian yang dilalui oleh beliau dalam mempertahankan pegangannya. [2 markah]

(c) Rekreasi aktif tertumpu kepada aktiviti lasak yang melibatkan ketahanan fizikal dan mental.

(i) Nyatakan **dua** contoh rekreasi aktif. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** faedah rekreasi dari aspek psikologi. [4 markah]

-PERATURAN DI TEMPAT REKREASI-

- Setiap pengunjung yang berkunjung ke tempat rekreasi mesti mematuhi semua peraturan dan larangan yang telah ditetapkan oleh pengusaha atau badan yang berkaitan.
- Pengunjung yang ingkar akan dikenakan denda RM 500.00

(iii) Merujuk kepada pernyataan di atas, masih terdapat segelintir pengunjung enggan mematuhi peraturan dan larangan yang ditetapkan.

Berikan pendapat anda, mengapa ianya berlaku. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT